

# Usahawan luar bandar perlu perkasa pemiagaan: PM

**Putrajaya:** Usahawan luar bandar digesa menaik taraf produktiviti produk mereka seiring perkembangan teknologi moden, sekali gus meningkatkan pendapatan.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau yakin mereka yang rajin pasti mempunyai peluang memperoleh duit yang banyak.

Perdana Menteri berkata, peluang meningkatkan pendapatan banyak ditunjukkan di Karnival Usahawan Desa Putrajaya 2019 (KUD@KPLB Putrajaya).

"Saya harap semua akan berusaha kerana kita (kerajaan) berhasrat supaya orang di kampung juga dapat sama seperti orang di bandar, tetapi jika orang di kampung tidak buat apa, dia tak dapatlah, jadi dia kena rajin.

"Contohnya di karnival ini, banyak barang yang boleh dibuat, mesin pun ada, jika nak buat banyak (memperbesarkan produk) pakai mesin maka kita (usahawan) kena majukan diri," katanya selepas meluangkan masa lebih sejam meninjau tapak karnival di sini, semalam.

Karnival yang diadakan selama lima hari bermula Khamis lalu,

mengetengahkan lebih 1,000 usahawan membabitkan perniagaan desa, jualan mesin, ternakan, pertanian serta makanan, minuman dan perkhidmatan.

Dr Mahathir berkata, apabila perniagaan diperkasakan, usahawan luar bandar akan dapat menambah pendapatan dan tidak lagi ketinggalan berbanding orang bandar.

"Di sini pun, mesin yang dijual tidak berapa mahal," katanya.

Terdahulu, biarpun hujan lebat, Dr Mahathir sanggup meluangkan masa mengunjungi tapak karnival membabitkan Desa Perdana, Kapsul Desa Usahawan dan Desa Wawasan.

Beliau tiba di lokasi penganjuran di pekarangan Istana Kehakiman, Presint 3 kira-kira jam 4 petang dengan memandu sendiri Proton X70.

Ketibaan Perdana Menteri disambut Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun dan timbalannya, R Siwarasa.

Dalam tempoh satu jam setengah, beliau melawat reruai dan sempat mencuba beberapa produk makanan termasuk keropok lekor serta memuji kesedapannya.



*Dr Mahathir meluangkan masa mengunjungi tapak karnival walaupun ketika hujan pada KUD@KPLB Putrajaya, semalam.*

[Foto Mohd Fadli Hamzah/BH]